

Penggunaan Teknik Drama untuk Penulisan E-mel Tidak Rasmi

Noorashikin Mohamed Ishak

noorashikin_mohamed_ishak@moe.edu.sg

Nur Khairiyah Nordin

nur_khairiyah_nordin@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Tanjong Katong

Abstrak

Pengajaran di dalam bilik darjah menggunakan teknik drama merupakan strategi pengajaran yang berkesan kerana pelajar berpeluang melibatkan pelbagai jenis pemikiran reflektif, konstruktif dan aktif. Teknik drama mampu membantu pelajar menjana idea dengan cara yang lebih kreatif dan menyeronokkan. Teknik Drama turut membina keyakinan diri dalam pertuturan menggunakan Bahasa Melayu. Pengajaran ini berfokus kepada penjanaan idea bagi soalan penulisan E-mel Tidak Rasmi. Guru membina pengajaran dengan memilih teknik drama yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar dan kandungan pengajaran yang ingin disampaikan. Dalam pengajaran ini, secara berkumpulan pelajar perlu mengenal pasti idea utama menggunakan bahan aktiviti pembelajaran yang diberikan, kemudiannya berkongsi idea melalui lakonan untuk menghasilkan penulisan E-mel Tidak Rasmi secara individu. Maklum balas pelajar mengesahkan bahawa pelajar berasa seronok dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Pada masa yang sama, pelajar dapat membina repertoir teknik drama dalam kurikulum bahasa Melayu sepanjang 4 tahun di sekolah.

Kata Kunci: drama dalam pendidikan, teknik drama, penjanaan idea, kreativiti, keyakinan



PENGENALAN

Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, lazimnya guru menjalankan pengajaran yang konvensional, iaitu pengajaran yang berbentuk kuliah. Pelajar kurang diberi peluang untuk menyuarakan pendapat atau menghasilkan idea-idea secara kreatif. Perkara ini ketara apabila mereka menghasilkan tugas E-mel Tidak Rasmi apabila idea yang disampaikan amat terhad dan kurang menarik.

Lantas, teknik drama diperkenalkan untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan kerana melibatkan pemikiran reflektif, konstruktif dan aktif. Teknik drama dipilih kerana lebih menarik untuk menjana isi-isi daripada menggunakan teknik yang konvensional. Selain itu, teknik drama dapat membantu pelajar untuk berbincang dan bekerjasama dengan rakan-rakan supaya menghasilkan isi-isi yang menyeluruh di samping membantu pelajar menjadi lebih yakin dalam menyampaikan isi-isi mereka.

Pelbagai tujuan dan matlamat pembelajaran ingin dicapai oleh pihak guru dan sekolah. Antara matlamat utama adalah memastikan pelajar sentiasa berusaha untuk berfikir secara kritis. Selain itu, pelajar dapat menghasilkan huraian yang lebih bernas dan tuntas.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauh mana pelajar dapat:

1. menjana isi-isi bagi soalan penulisan E-mel Tidak Rasmi; dan
2. menulis E-mel Tidak Rasmi menggunakan isi-isi yang dibincangkan.

PERNYATAAN PERMASALAHAN

Pelajar sudah mula diperkenalkan kepada format penulisan E-mel Tidak Rasmi bagi memenuhi kehendak Format Peperiksaan Peringkat 'O'. Pada peringkat ini, pelajar perlu tahu bagaimana untuk menjana isi-isi yang bernas serta menjawab kehendak soalan yang jelas, tuntas dan lengkap. Kemahiran untuk menjana isi-isi yang bernas ini penting dalam proses penulisan pelajar. Antara



cabaran utama, kebanyakan pelajar hanya setakat menyatakan isi-isi secara umum tanpa disokong dengan huraian lanjut mengenai isi dan contoh yang khusus untuk menyokong isi utama mereka. Selain itu, pelajar turut memberikan isi-isi yang kurang sesuai dengan kehendak soalan serta perenggan pelajar merupakan ayat-ayat mudah. Profil pelajar yang kebanyakannya merupakan pelajar kinestetik juga memerlukan aktiviti yang membolehkan mereka bergerak semasa pembelajaran.

KAJIAN LEPAS

Patrice Baldwin, seorang pengarah dari pusat *Drama for Learning and Creativity (D4LC)* dan Kate Fleming (2003) dari United Kingdom membincangkan bahawa teknik drama memberi kesan kepada pengajaran yang disampaikan. Melalui drama, pelajar bukan sahaja membaca dan menulis secara kreatif dan imaginatif, malah berpeluang menyuarakan idea dan perasaan menggunakan konteks bahasa yang telah ditetapkan. Selain itu, drama turut membantu dalam perkembangan peribadi, sosial, emosi dan kreativiti. Pengkaji menekankan bahawa tujuan teknik drama bukanlah untuk mengukur keberkesanan pelajar melakonkan semula teks drama atau plot cerita yang disediakan oleh guru. Sebaliknya, teknik drama merupakan proses menghubungkan, merancang idea-idea yang asli, menyelesaikan masalah atau situasi dan meluahkan idea dan perasaan.

Teknik drama juga memberi peluang kepada pelajar untuk melahirkan idea berdasarkan pengalaman sedia ada dengan cara yang kreatif. Pada masa yang sama, guru perlu sentiasa membimbing dan menghargai usaha dan sokongan yang diberikan oleh pelajar yang berlakon dan menonton lakonan. Oleh sebab itu, guru perlu berani mencuba pelbagai teknik pengajaran agar pembelajaran itu berkesan bagi golongan pelajar yang berbeza.


Ruth Beall Heinig dari Western Michigan University (1988) pula telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa teknik drama dapat menggalakkan pelajar untuk menjadi lebih berdikari dan terdorong untuk mencari maklumat dan menjalankan kajian sendiri. Lantas, pelajar lebih berminat untuk mendalami suatu pembelajaran. Walaupun banyak kebaikan yang dapat diperolehi, guru perlu bersabar dan sering cuba untuk menggunakan teknik drama dalam pengajaran.



KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menjalankan Kajian Pengajaran yang dilakukan berdasarkan kerangka Kajian Pengajaran yang mempunyai 5 langkah; iaitu menetapkan matlamat, merancang, memantau, mengulas dan menyemak, menambah baik dan mengulangi semula pengajaran.

Rajah 1: Kitaran Kajian Pengajaran



Menurut Lewis, Catharine, C., Kajian Pengajaran merupakan suatu pendekatan yang berterusan berdasarkan pemerhatian yang teliti terhadap pelajar dan hasil kerja mereka. Dalam kitaran Kajian Pengajaran, guru bekerjasama untuk menetapkan hasil pembelajaran pelajar dan matlamat jangka panjang. Guru merancang dan memilih aktiviti yang sesuai untuk memastikan matlamat ini tercapai dan menjalankannya dalam bilik darjah. Apabila seorang guru menjalankan pengajaran di dalam bilik darjah, guru tersebut akan dipantau oleh guru-guru dalam kumpulan tersebut bagi mendapatkan bukti bahawa teknik pengajaran yang digunakan berkesan. Setelah itu, guru-guru akan memberi maklum balas dan memperbaiki pengajaran supaya pihak guru dapat mengulangi semula untuk memperlihatkan keberkesanan pengajaran.



Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan para pelajar Menengah 1 yang mengambil Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu Lanjutan. Kajian Pengajaran dijalankan sebanyak dua kali. Pelajar Menengah 1 Bahasa Melayu melalui kitaran Kajian Pengajaran yang pertama dan pelajar Menengah 1 Bahasa Melayu Lanjutan melalui kitaran yang selanjutnya. Setiap pengajaran mengambil masa selama satu jam.

Instrumen

Kajian ini dijalankan menggunakan kombinasi pendekatan analisis kuantitatif dan kualitatif. Instrumen kajian yang digunakan bagi kajian ini ialah borang renungan, tugas E-mel Tidak Rasmi dan keputusan kertas 1 bahagian A peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun.

Guru telah menggunakan kitaran Kajian Pengajaran yang merangkumi 3 fasa: fasa perancangan, pengajaran kajian dan aktiviti pasca pengajaran. Guru memanfaatkan teknik drama untuk memperlihatkan kebolehan pelajar menjana idea-idea bagi membantu mereka menghasilkan penulisan E-mel Tidak Rasmi yang baik dan meningkatkan keyakinan diri.

Prosedur Kajian

Melalui Pemerhatian

Pelajar yang mengikuti Kajian Pengajaran ini menjalani pembelajaran di dalam bilik darjah. Para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan, seperti perbincangan secara berkumpulan dan menyampaikan idea mereka melalui lakonan. Sepanjang Kajian Pengajaran, pengkaji menjalankan pemerhatian dengan membuat rakaman dalam bentuk video dan foto. Aktiviti yang dijalankan oleh responden diperhatikan dan hasil lembaran kerja dan penulisan E-mel Tidak Rasmi yang diisi menjadi tumpuan pengkaji.



Borang Renungan

Pada akhir pembelajaran, responden telah diberikan 1 borang renungan, yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mereka mengenai keberkesanan teknik drama yang digunakan dan pengalaman mereka melalui sesi pembelajaran tersebut.

Antara soalan yang diajukan adalah seperti berikut:

1. Perkongsian pandangan dan perasaan pelajar berdasarkan sesi pembelajaran yang dilalui untuk membina keyakinan diri.
2. Memperlihatkan respons pelajar sama ada mereka ingin teknik drama digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu yang selanjutnya.
3. Bagaimana teknik drama dapat membantu mereka berfikir dengan lebih mendalam dan peluang untuk bekerjasama dengan rakan-rakan.
4. Mempermudah mereka untuk menjawab soalan E-mel Tidak Rasmi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan keputusan yang dianalisis menunjukkan bahawa teknik drama yang digunakan telah membantu mereka untuk berfikir dengan kritis dan kreatif. Hasil keputusan Kertas 1 Bahagian A pada Peperiksaan Akhir Tahun telah meningkat berbanding keputusan Kertas 1 Bahagian A pada Peperiksaan Pertengahan Tahun. Pelajar dapat memberikan huraian yang lebih padat dan menepati kehendak soalan.

Dapatan daripada borang renungan yang diberikan kepada pelajar menunjukkan bahawa mereka dapat meraih manfaat dan berasa seronok melalui aktiviti drama yang telah dijalankan. Antara komen-komen yang diberikan oleh pelajar ialah:


“Saya berpendapat aktiviti drama dalam pembelajaran Bahasa Melayu menarik kerana pelajar bebas melakukan aktiviti dan pelajar lebih memahami apa yang diajar serta meluaskan kreativiti pelajar”.

“Saya berpendapat aktiviti drama dalam pembelajaran Bahasa Melayu memberi kami pengalaman berlakon untuk mengetahui sejarah, aktiviti dan keistimewaan yang dapat diraih dari setiap situasi yang diberikan”.



Berikut merupakan dapatan kajian daripada soal selidik yang diberikan kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan maklum balas pelajar mengenai sesi pembelajaran yang dilalui.

Rajah 2: Peratusan Pendapat Pelajar Mengenai Sesi Pembelajaran Melalui Penggunaan Teknik Drama untuk Penulisan E-mel Tidak Rasmi




Berdasarkan soal selidik ini, pengkaji merumuskan bahawa kebanyakan pelajar berpuas hati dan berasa seronok apabila mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang menggunakan teknik drama. Namun, masih terdapat segelintir pelajar yang berasa kurang selesa dan tidak menyarankan penggunaan aktiviti drama di dalam sesi pembelajaran yang akan datang. Justeru, pengkaji merasakan bahawa kemungkinan aktiviti drama kurang sesuai untuk pelajar-pelajar berkenaan kerana pelajar masih berasa segan dan malu untuk melakonkan idea-idea mereka di hadapan rakan-rakan.




Namun, tugas E-mel Tidak Rasmi pelajar yang dihasilkan selepas Kajian Pengajaran dijalankan menunjukkan penulisan e-mel yang berkualiti. Selain daripada tugas E-mel Tidak Rasmi, perbandingan keputusan kertas 1 peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi pelajar menengah 1 bahasa Melayu dan pelajar bahasa Melayu Lanjutan menunjukkan terdapat peningkatan dari segi jumlah peratusan pelajar yang lulus. Justeru, pengkaji mendapati bahawa teknik drama ini memberi kesan yang positif kepada kualiti penulisan yang dihasilkan pelajar. Hal ini dapat dibuktikan melalui Rajah 3 dan Rajah 4.

Rajah 3: Peratusan Kelulusan Kertas 1 Pelajar Bahasa Melayu



Rajah 4: Peratusan Kelulusan Kertas 1 Pelajar Bahasa Melayu Lanjutan



KESIMPULAN

Setelah kajian ini dijalankan, kesimpulan dapat dibuat bahawa teknik drama didapati adalah salah satu faktor yang berkesan dalam mencungkil minat dan mencetus inspirasi pelajar terhadap topik yang diajar. Teknik drama ini juga merupakan satu strategi pengajaran yang tepat bagi memenuhi keperluan pelajar-pelajar kinestetik yang memerlukan aktiviti yang membolehkan mereka bergerak di dalam kelas. Hal ini akan menimbulkan rasa seronok dan keterujaan pelajar. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan strategi drama, kami menyarankan agar guru-guru melakarkan program yang menerapkan teknik-teknik drama selama 4 tahun sejak pelajar di Menengah 1 agar pelajar-pelajar mempunyai repertoir teknik-teknik drama yang boleh digunakan dalam kelas secara berterusan.

Melalui kajian ini juga, kami dapati bahawa guru merupakan faktor yang terpenting bagi memastikan keberkesanan strategi menggunakan teknik drama ini. Pertama, penggunaan strategi ini memerlukan persediaan yang rapi oleh guru. Guru-guru yang menggunakan teknik ini perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang teknik-teknik drama yang boleh digunakan bagi memenuhi matlamat yang hendak dicapai dalam pengajaran. Pengetahuan ini boleh didapati dengan menghadiri kursus teknik drama, membaca ataupun menonton klip-klip video di Internet yang menerangkan tentang teknik drama bagi pengajaran dan pembelajaran. Kedua, pemilihan teknik drama yang tepat juga akan menentukan keberkesanan strategi ini.

Oleh itu, dengan mempunyai repertoir teknik drama, guru-guru dapat memadankan teknik yang tepat dengan matlamat pengajaran yang ingin dicapai. Ketiga, guru harus selesa dan mahir menjalankan peranan mereka sebagai pemudah cara dan perlu menunjukkan modeling yang terbaik di dalam kelas agar para pelajar akan lebih ghairah dan terdorong untuk menjalankan aktiviti yang telah dilakarkan guru. Harapan kami adalah dengan penggunaan strategi teknik drama ini, pengajaran Bahasa Melayu akan menjadi lebih dinamik dan akan dapat menimbulkan keterujaan kepada para pelajar untuk terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikatif harian mereka.



Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian ini:

1. Nurul 'Ain Kamarulzaman
2. Rasidah Mohd Rasit
3. Zakiah Musa

RUJUKAN

Baldwin, Patrice, and Kate Fleming. (2003). *Teaching Literacy through Drama: Creative Approaches*. London: Routledge Falmer.

Heinig, Ruth Beall, and Lyda Stillwell. (1981). *Creative Drama for the Classroom Teacher*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

